

1981

PULAU PINANG, 21 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMULIHKAN TARAF PELABUHAN BEBAS BAGI PULAU PINANG KERANA NEGERI ITU MENIKMATI KADAR PENDAPATAN YANG JAUH LEBIH TINGGI DARIPADA NEGERI-NEGERI LAIN DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ADALAH TIDAK ADIL JIKA PULAU ITU SAHAJA DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI KERANA NEGERI-NEGERI LAIN MEMPUNYAI KEKURANGAN KADAR PENDAPATAN SEDANYAK 25 PERASUS BERBANDING DENGAN NEGERI ITU.

BERUCAP DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI WISMA PERSEKUTUAN DI AKHIR LAWATAN RASMINYA KE NEGERI INI, BELIAU MENJELASKAN TARAF PELABUHAN BEBAS DI BERIKAN KEPADA PELABUHAN LABUAN DI SABAH KERANA PERNIAGAAN DI SANA HANYA BERCORAK KECIL-KECILAN UNTUK DIBANDINGKAN DENGAN PULAU PINANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN YAKIN TANPA TARAF PELABUHAN BEBAS, PULAU PINANG MASIH DAPAT, TERUS MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN YANG TERKEMUKA DI NEGARA INI BERIKUTAN LANGKAH KERAJAAN MEMBERIKAN PENGECEUALIAN CUKAI KE ATAS BARANG-BARANG POPULAR.

---BERSAMBUNG 1607/AN

B556

MAHATHIR-CUKAI 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN PERNIAGAAN DALAM BARANG-BARANG JENIS TERSEBUT KHASNYA YANG DIMINATI OLEH PARA PELANCONG SEPERTI KAMERA DAN MINYAK WANGI AKAN TERUS MENINGKAT DI PULAU INI DAN JUGA DI SELURUH NEGARA DENGAN ADANYA PENGECEUALIAN CUKAI ITU.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERHARAP PENGECEUALIAN CUKAI ITU BUKAN SAJA AKAN MENINGKATKAN PERNIAGAAN DALAM BARANG-BARANG TERSEBUT TETAPI JUGA AKAN MEMBUKA PELUANG KEPADA SEMUA KAUM MENYERTAINYA.

BELIAU JUGA BERHARAP PARA P. PENIAGA DI NEGERI INI AKAN MENJUAL BARANG-BARANG ITU DENGAN HARGA YANG LEBIH MURAH DARIPADA HARGA JUALAN DI HONG KONG DAN SINGAPURA.

BELIAU BERPENDAPAT INI DAPAT DILAKUKAN KERANA KOS PASTI IAITU GAJI DAN SEWA ADALAH JAUH DI NEGERI INI LEBIH MURAH DARIPADA HONG KONG MAHUPUN SINGAPURA.

PENJUALAN BARANG-BARANG TERSEBUT DENGAN HARGA YANG LEBIH MURAH, MENURUTNYA, AKAN MENJADI DAYA PENARIK KEPADA PARA PELANCONG UNTUK DATANG KE PULAU PINANG.

---BERSAMBUNG 1615/AN

B559:

MAHATHIR-CUKAI 3 PULAU PINANG

MENGENAI PEMBANGUNAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERPUAS-HATI DENGAN SEGALA KEMAJUAN YANG DICAPAI DI SELURUH NEGERI INI.

BELIAU JUGA BERKATA PEMBINAAN JAMBATAN YANG AKAN MENGHUBUNGKAN PULAU INI DENGAN TANAH BESAR AKAN MENGHASILKAN BANYAK FAEDAH SAMPINGAN UNTUK PARA PENDUDUK NEGERI INI.

KATANYA SELAIN DARIPADA BERBAGAI PERNIAGAAN YANG AKAN LAHIR SEMASA PEMBINAANNYA, BERBAGAI-BAGAI PERNIAGAAN LAIN JUGA NANTI AKAN WUJUD SELEPAS PEMBINAANNYA SIAP KELAK.

MENURUTNYA DENGAN SIAPNYA JAMBATAN ITU NANTI, PULAU ITU TIDAK AKAN TERASING LAGI DARIPADA NEGERI-NEGERI LAIN DI SEMENANJUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN SIAPNYA PROJEK ITU DAN SETELAH PULAU ITU +BERADALEBIH DEKAT DENGAN TANAH BESAR+ MUNGKIN NAMA PULAU PINANG PERLU DITUKARKAN DENGAN NAMA YANG LEBIH SESUAI.

--- BERSAMBUNG 1640/1B

B567:

MAHATHIR-CUKAI 4 PULAU PINANG

MENGENAI POLITIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional berkata perbelisihan pendapat di kalangan anggota Barisan Nasional adalah perkara biasa.

Bagaimapun, katanya dalam soal pemilihan calon untuk pilihanraya segala keputusan yang dibuat mestilah diterima oleh semua pihak dalam Barisan Nasional.

+SAYA BERHARAP TIDAK AKAN ADA PIHAK DALAM BARISAN NASIONAL YANG AKAN MELETAKKAN CALON UNTUK MENANDINGI DAN MELEMAHKAN CALON BARISAN NASIONAL DALAM SATU-SATU KAWASAN,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN TINDAKAN SEUMPAMA INI BUKAN SAJA AKAN MEMECAHKAN UNDI UNTUK CALON BARISAN NASIONAL MALAH DENGAN SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI KEMENANGAN KEPADA PARTI LAWAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PENDUDUK NEGERI INI TIDAK MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH JIKA NEGERI ITU MEMPUNYAI KERAJAAN YANG LEMAH ATAU PUN DIKUASAI OLEH PARTI LAWAN.

BELIAU MENINGGATKAN BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN SUKAR UNTUK MEMBERI KERJASAMA JIKA KERAJAAN NEGERI ITU DIKUASAI OLEH PARTI LAWAN.

HADIR SAMA DI SIDANG AKHBAR ITU JALAH KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH BADAWI. -- BERNAMA 1700/AZ